

53

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN OSCAR LING CHAI
YEW [SIBU]**

TARIKH : 7 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah 'High Level Committee' yang akan diwujudkan untuk berunding tentang hak Kerajaan Negeri Sarawak dan hak Persekutuan berdasarkan MA63 dan peranannya. Adalah difahamkan bahawa satu jawatankuasa sudah ditubuhkan beberapa tahun lalu untuk berunding antara Sabah, Sarawak dan Kerajaan Persekutuan berkaitan hak-hak autonomi, mengapakah perlunya satu jawatankuasa lagi dan apakah bezanya fungsi jawatankuasa ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri semasa merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) ke-14 pada 10 Februari 2018 telah mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membincangkan tentang hak-hak negeri Sarawak. Ini membuktikan komitmen pihak Kerajaan Persekutuan untuk berunding dengan pihak Kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu-isu mengenai hak-hak negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Penubuhan jawatankuasa sebelum ini seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah susulan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai dasar mengenai penurunan kuasa secara pentadbiran dan berperingkat (*empowerment*) kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak sejak pada Ogos 2015. Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai Kementerian dan Jabatan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi penurunan kuasa (*empowerment*) secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan mengikut bidang kuasa Kementerian dan Jabatan masing-masing.

55

Selain pelaksanaan penurunan kuasa (*empowerment*) kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Jemaah Menteri bersetuju supaya YB Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuk dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telah pun diadakan sebanyak empat kali iaitu pada 10 Ogos 2016, 27 September 2016, 1 Disember 2016 dan 23 Januari 2018. Seterusnya, perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil. 1 hingga 3 tersebut telah pun diangkat untuk pertimbangan lanjut di peringkat Jawatankuasa Pemandu.

Walaupun, proses perbincangan dan pelaksanaan *empowerment* dan *devolution of authority* merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan sedang dijalankan dan belum dimuktamadkan. Oleh itu, butiran terperinci

mengenai mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum memandangkan status mesyuarat tersebut bertaraf Rahsia.

Sekian, terima kasih.

57

SOALAN (28)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 MAC 2018
[RABU]

DARIPADA : YB. HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

SOALAN :-

YB. HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan punca kebakaran dan jumlah kerugian atas kecelakaan di Bangunan KWSP Jalan Gasing, Petaling Jaya pada 13 Februari 2018 lalu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendapati, kebakaran di Bangunan KWSP Jalan Gasing, Petaling Jaya pada 13 Februari 2018 adalah berpunca dari **Single Burner LPG Flame Gun** yang digunakan oleh pekerja untuk memanaskan **granule bitumen membrane roll** bagi tujuan penyelenggaraan **water proofing** di tingkat satu bahagian luar bangunan berkenaan.

Semasa pemanasan itu, **percikan api** telah **terkena** kepada **cladding** di bahagian luar bangunan yang diperbuat dari **polystyrene foam** sejenis bahan **mudah terbakar** lalu menyebabkan kebakaran merebak dengan cepat. Kerugian akibat kebakaran ini dianggarkan sebanyak **RM1.85 juta**.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018